

# **BAHAYA AJARAN AHMADIAH/QADIANI DAN LAIN-LAIN AJARAN SESAT DI SELANGOR.**

Oleh:  
Nurhelmi bin Hj. Ikhsan  
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (Buhuth)  
Jabatan Mufti Negeri Selangor.

## **Abstrak**

*Dalam sejarah Islam, golongan ulama' sebagai intelektual nyata telah berperanan besar dalam mengolah kehidupan ummah, di samping menangani cabaran dalaman dan luaran yang dihadapi dan menentu-corakkan masa depan umat Islam. Kehadiran, penglibatan dan komitmen golongan berilmu amat diperlukan berikutan pensejagatan rancak fahaman-fahaman yang menyeleweng daripada landasan syariat yang sebenar. Justeru, tugas dan tanggungjawab para ilmuan Islam hari ini amat besar cabarannya dalam menangani krisis yang berkaitan dengan aqidah umat Islam hari ini.*

## **Apa Itu Fatwa.**

Fatwa daripada segi bahasa iaitu fata, yaftu, fatwa atau futya yang membawa maksud menjawab perkara-perkara yang menjadi kemusykilan seperti seseorang berkata "meminta fatwa daripadanya maka ia pun memberi fatwa"<sup>1</sup>. Fatwa daripada segi istilah ialah pemberitahuan tentang sesuatu hukum syara' berdasarkan istinbat yang dilakukan oleh seseorang mufti yang

---

<sup>1</sup> Majma' Al-Bunuth Al-Islamiyyah, 1975, hal:10, Ibrahim Najaib Muhammad Iwad, Al-Qada fi Al-Islam, Kaherah.

mempunyai kewibawaan dalam agama Islam untuk memberi jawapan kepada sesuatu kemusykilan, walau bagaimana pun jawapannya itu tidak mengikat.

### **Tata Cara Pengeluaran dan Pewartaan Fatwa.**

Secara asasnya sesuatu isu itu diterima melalui permohonan daripada kerajaan negeri atau pun pusat, badan-badan kerajaan, badan-badan berkanun, pihak swasta, NGO, aduan serta permohonan daripada pelbagai pihak, selain daripada inisiatif Jabatan Mufti sendiri. Kebiasaannya isu-isu yang diterima adalah melalui surat rasmi, panggilan telefon dan e-mel. Sesuatu isu yang dikemukakan akan dikenal pasti samada isu tersebut adalah kemusykilan agama atau pun memerlukan kepada satu penyelidikan dan kajian lanjut. Sekiranya sesuatu isu itu merupakan hukum yang telah sedia ada, maka Mufti atau wakilnya akan terus memberikan jawapan. Manakala isu baru yang memerlukan kepada penjelasan sesuatu hukum, maka Mufti akan meminta satu penyelidikan atau kajian dibuat tentang isu tersebut.

Kaedah yang digunakan bagi merangka dan menjalankan penyelidikan atau kajian adalah melalui kajian lapangan, temu bual, pemerhatian, mendapatkan maklumat atau sisatan ke lokasi, mendapatkan khidmat kepakaran teknikal atau mereka yang berkemahiran dalam bidang tertentu serta penganalisan berkaitan isu, ini adalah melibatkan kajian luaran. Manakala bagi kajian dalaman adalah melalui rujukan sumber seperti Al-Quran, Hadis, Ijma' ulama' dan Qias serta kitab-kitab yang muktabar. Satu kertas kerja yang lengkap akan disediakan sebelum dibawa kepada Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Sekiranya sesuatu isu itu bersifat setempat atau hanya merangkumi kemaslahatan dan kepentingan masyarakat di negeri ini sahaja, maka ianya akan dibincang dan diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Tetapi sekiranya isu tersebut bersifat nasional dan melibatkan kepentingan dan kemaslahatan masyarakat keseluruhannya, maka ia akan dibincangkan oleh satu Jawatankuasa Fatwa Peringkat Kebangsaan yang ahlinya terdiri daripada Ashabus Samahah Mufti seluruh negeri dan mereka yang dilantik serta diyakini keilmuannya.

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor akan bersidang setiap bulan dan memerlukan sekurang-kurangnya dua kertas kerja untuk dibentangkan dalam mesyuarat tersebut. Keahlian bagi jawatankuasa ini adalah melalui peruntukan seksyen 46 (1),(2),(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Majlis Agama Islam Selangor mempunyai kuasa untuk melantik ahli jawatankuasa dan tempohnya adalah selama dua tahun. Mereka yang dilantik di atas dasar jawatan adalah terdiri daripada Mufti yang akan bertindak sebagai pengerusi, Timbalan Mufti, Penasihat Undang-undang Negeri, seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor yang mahir dalam hukum syara' dan seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang akan berfungsi sebagai setiausaha. Manakala dua orang anggota Majlis Agama Islam Selangor yang dinamakan oleh Majlis, tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang layak dan sesuai dilantik oleh Majlis di atas kapasiti mempunyai kepakaran dan keilmuan yang tinggi dalam hukum syara'.

Sesuatu fatwa yang telah diputuskan, kemudiannya akan dibawa kepada Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor untuk makluman, seterusnya dipanjangkan kepada Penasihat Undang-undang Negeri bagi penelitian draf pewartaan fatwa. Draf yang lengkap akan dibawa kepada D.Y.M.M. Sultan Selangor / Pemangku Raja bagi mendapatkan perkenan. Setelah itu, keputusan yang telah diperkenan akan dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) sebagai makluman sebelum diwartakan. Setelah sesuatu fatwa itu diwartakan, ia akan dimaklumkan kepada orang ramai dan masyarakat melalui media cetak seperti akhbar Era Jaya, khutbah Jumaat, penerbitan pamflet serta buku. Juga melalui media elektronik seperti laman web jabatan, e-fatwa, radio serta majlis-majlis penerangan seperti kursus, bengkel, forum, persidangan, seminar dan sebagainya.

### **Isu Berkaitan Ajaran Salah/Sesat.**

Ajaran salah/sesat merupakan satu manifestasi bagi satu proses yang telah bermula sejak beberapa lama dahulu. Negara kita Malaysia, tidak terlepas

daripada gejala besar ini yang boleh mencemarkan kesucian agama Islam dan boleh menggugat perpaduan ummah. Sebahagian besar daripada ajaran sesat ini jelas menampakkan fahaman-fahaman atau amalan-amalan yang bertentangan dan menyeleweng dari syariat Islam sebenar.

Berbagai-bagai bentuk ajaran sesat telah muncul dan menular dalam masyarakat Islam, dan ia telah berjaya mempengaruhi bukan sahaja golongan yang cetek ilmu pengetahuannya sahaja, malah golongan profesional termasuk mereka yang dalam bidang agama juga turut terpengaruh. Gejala ini boleh memesongkan aqidah mereka yang terpengaruh dengan golongan yang sentiasa mencari peluang untuk menghancurkan Islam, di samping memenuhi kepentingan tertentu. Gerakan ini ada yang dijalankan secara terang-terangan dan ada juga yang bergerak secara halus dan tersembunyi tanpa disedari.

*Ajaran salah atau sesat boleh diertikan sebagai sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa ajaran atau amalan yang dibawanya itu adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam; sedangkan pada hakikatnya ajaran atau amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan kepada Al-Quran dan As-Sunnah serta bercanggah dengan aqidah dan syariat Islam.*

Istilah-istilah seperti '*fanatik agama*', '*pelampau agama*' dan '*ekstrimis agama*' atau '*ortodok*' tidak boleh digunakan kerana istilah tersebut boleh membawa makna yang berlainan dan tidak dapat memberi satu pengertian ajaran sesat yang sebenar, di samping ianya akan memberi kesan yang tidak baik kepada imej umat Islam dan perkembangan Islam itu sendiri.

Dari segi sejarah, Islam merupakan satu agama yang suci dan bersih daripada unsur-unsur kesesatan dan penyelewengan. Walaubagaimanapun, ajaran sesat telah mula wujud semenjak kewafatan Rasulullah S.A.W. dengan kemunculam Musailamah al-Kazzab yang mendakwa dirinya sebagai nabi. Semenjak zaman Rasulullah S.A.W. lagi seterusnya zaman para Sahabat r.a. sehinggalah kini, musuh-musuh Islam yang terdiri daripada pelbagai bangsa

dan agama, sentiasa bergerak bagi merosak dan menghancurkan agama Islam dan umat Islam. Mereka telah mendapat kejayaan pada zaman Bani Umayyah dan selepasnya. Pada peringkat awalnya mereka hanya berjaya menyogokkan hadis-hadis palsu di kalangan umat Islam.

Kemudian terdapat golongan yang mencampur-adukkan aqidah dan syariat dengan pelbagai cara, antaranya mencampur-adukkan aqidah Islam dengan aqidah Majusi, Nasrani dan seterusnya lahirlah ajaran berbentuk '*batiniah*'. Ajaran ini mencampur-adukkan pelbagai kepercayaan tradisional sesuatu bangsa dan mempelbagaikan penyelewengan aqidah dengan ajaran Islam.

Meneroka kepada fenomena ajaran sesat di negara kita, hakikat yang perlu kita akui, terdapat banyak ajaran sesat yang muncul di tengah-tengah kelompok masyarakat dari masa ke semasa ketika ini. Kemunculan kebanyakan ajaran sesat ini dipercayai berpunca daripada pengaruh, kebudayaan, adat, mencari kemasyhuran, kekayaan, bermotifkan seks serta kepercayaan lama yang mengandungi unsur-unsur animisme dan dinamisme serta dicampur aduk dengan doktrin-doktrin lain seperti Kristianiti, Hinduisme, Buddhisme, Neo-Platonisme dan lain-lain lagi yang meresap dalam ajaran Islam.

Di Malaysia, sebilangan masyarakat kita menerima pengaruh yang kuat daripada tradisi '*world view*' masyarakat negara tetangga iaitu Indonesia. Aliran-aliran kepercayaan yang berpengaruh daripada negara jiran tersebut seperti aliran-aliran kebatinan telah mencampur-adukkan antara tradisi kepercayaan lama dengan tradisi Hindu-Buddha yang kemudiannya diselitkan dengan unsur-unsur Islam. Adalah dipercayai ajaran sesat telah muncul di Malaysia pada awal abad ke 19 di Kampung Seronok, Seberang Perai, Pulau Pinang. Ia dikenali sebagai Ajaran Taslim yang diasaskan oleh Hj. Mohammad bin Shafie atau lebih dikenali sebagai Hj. Ahmad Matahari. Di Selangor, ajaran sesat yang mula bertapak adalah Ajaran Ahmadiyah/Qadiani bertempat di Jeram, Kuala Selangor pada tahun 1930-an. Ajaran ini telah difatwakan oleh semua ulama' seluruh dunia sebagai terkeluar daripada ajaran Islam.

## **Ajaran Ahmadiyah/Qadiani.**

Ajaran ini diasaskan oleh Mirza Ghulam Ahmad Qadiani di India pada tahun 1889. Perkataan Ahmadiyah disandarkan kepada pengasas ajaran. Qadiani pula diambil dari nama kampung tempat lahir Mirza iaitu di daerah Gurdaspur, India. Mirza Ghulam Ahmad dilahirkan pada tahun 1839. Bapanya bernama Mirza Ghulam Murtaza bin Mirza Atta Muhamad. Berketurunan Borlas dari Bangsa Moghul. Beliau mendapat pendidikan hingga ke peringkat menengah. Belajar Bahasa Arab ketika berumur 10 tahun. Manakala nahu, mantiq dan falsafah secara dasar ketika berumur 17 tahun. Mendalami ilmu perubatan melalui ayahnya sendiri.

Kehidupan awal Mirza adalah susah dan miskin. Bertugas di bawah Penolong Pesurujaya Sialkot dengan gaji yang kecil selama 4 tahun. Beliau berkahwin pada tahun 1852 dan bercerai tahun 1891 dengan memperolehi dua orang anak iaitu Mirza Sultan Ahamad dan Mirza Fazal Ahmad. Pada 1884, beliau berkahwin dengan anak Nawab Nasir dan memperolehi tiga orang anak iaitu Mirza Bashuddin Muhamad, Mirza Bashir Ahmad dan Mirza Sharif Ahmad. Beliau meninggal dunia pada 22 Mei 1908, kerana diserang penyakit cirit- birit. Beliau dikebumikan di Qadian yang sekarang di dalam negara Pakistan.

Di Malaysia ajaran ini bertapak pada tahun 1930-an di Jeram, Kuala Selangor yang merupakan antara pusat aktiviti terbesar mereka. Pada 15 Disember 1953 telah diadakan pertemuan antara kumpulan ini dengan para alim ulama' di hadapan D.Y.M.M. Sultan Selangor ketika itu, bertempat di Istana Selangor, Kuala Lumpur. Hasil perbincangan tersebut, para ulama' telah bersepakat memutuskan bahawa ajaran Ahmadiyah/Qadiani adalah terkeluar daripada ajaran Islam yang sebenar, manakala pengikutnya tidak diiktiraf sebagai orang Islam yakni murtad. Fatwa yang menghukum ajaran dan pengikut kumpulan ini sebagai murtad bukan sahaja diputuskan oleh para ulama' di negara kita sahaja, bahkan para ulama' seluruh dunia juga telah sepakat dan mengeluarkan fatwa yang sama.

Ekoran dialog tersebut, perkembangan mereka semakin lumpuh dan sehingga kini hanya wujud satu pusat kegiatan yang diberi nama Baitussalam yang bertempat di Kampung Nakhoda, Batu Caves, Selangor yang masih bergerak aktif mengadakan aktiviti seperti solat Jumaat, perhimpunan antarabangsa dan penerbitan risalah.

### **Ciri-ciri Kesalahan.**

#### **Mendakwa Sebagai Nabi Yang Menerima Wahyu**

Pada 1901, beliau telah membuat pernyataan yang mutlak mengenai dirinya sebagai Nabi yang sebenar:

*"Demi Allah yang nyawa saya di tangan-Nya, Dialah yang telah mengutus dan menamakan saya Nabi..... dan menunjukkan bukti-bukti yang jelas tentang kebenaran dakwaan saya yang jumlahnya sampai tiga ratus ribu bukti."*

Kemudian beliau menyamakan dirinya dengan nabi-nabi lain, malah akhirnya beliau mengatakan: *"Sayalah Muhammad Rasul Allah."* Manakala dalam Khutbah Ilhamnya (Al-Khutbah Al-Ilhamiah) Mirza Ghulam Ahmad berkata:

*"Ini adalah kitab yang telah diilhamkan oleh Tuhan kepadaku di satu hari daripada hari-hari perayaan, malah ia adalah hakikat yang diwahyukan Tuhan kepadaku."*

*"Sesungguhnya telah sampai wahyu kepadaku daripada Tuhan sebelum diturunkan penyakit taun supaya aku membuat perahu (bahtera) dengan pertolongan wahyu kami."*

#### **Mendakwa Diri sebagai Imam Mahdi**

Selepas mendakwa diri sebagai Mujadid pada tahun 1885, beliau mengaku pula sebagai Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu pada tahun 1891.

## **Dakwaan sebagai Isa al-Masih**

Pada tahun 1891, atas desakan kawannya Nuruddin, Mirza mendakwa dirinya sebagai Isa al-Masih. Dengan demikian supaya sesuai dengan dakwaannya, Mirza tidak lagi berpegang bahawa Isa al-Masih yang akan turun itu adalah Isa Ibni Maryam, tetapi kononnya al-Masih dari kalangan penganut agama Islam dan pengikut Nabi Muhammad S. A. W. Tetapi ianya masih tetap mempunyai ciri-ciri, sifat-sifat dan peranan-peranan yang dengan al-Masih Ibni Maryam yang dijanjikan itu. Dengan demikian juga Isa Ibni Maryam tidak akan turun kerana beliau (Mirza Ghulam Ahmad), sendiri yang telah menggantikannya. Untuk menguatkan lagi hujah ini, beliau terus menyatakan bahawa Isa Ibni Maryam itu telah mati bukan diangkat ke langit oleh Allah, orang yang mati tidak mungkin hidup ke dunia lagi. Dakwaan ini terkandung dalam bukunya Fath al-Islam, Tawdih al-Maram dan Izalah al-Auham.

## **Mendakwa Mempunyai Mukjizat**

Selain daripada mengakui menerima wahyu dari Allah yang taraf sahnya sama dengan wahyu al-Quran, beliau juga mengakui mempunyai mukjizat. Katanya: *"Nabi Allah itu telah mewujudkan tiga ribu mukjizat. tetapi mukjizat saya melebihi dari satu juta."* Dalam risalah Ikkjaz Ahmadi, Katanya, *"Bulan yang terang menjadi gerhana kerana saya, masakan dapat menafikan bulan dan matahari menjadi pucat kerana saya."*

## **Para Nabi Menyaksikan Dirinya**

Dalam buku Maktub Ahmad hal. 62 Mirza mendakwa, *"Nabi Allah Salleh telah menyaksikan kebenaran sebelum saya melahirkan seruan saya. Saya adalah Isa al-Masih yang akan datang. Beliau menyebut nama saya serta nama kampung saya."*

## **Malaikat Sebagai Pancaindera Tuhan**

Dalam buku Hamuh al-Busyra hal 98. Mirza menegaskan, "*Lihatlah pada malaikat-malaikat itu bagaimana Allah menjadikan mereka itu sebagai pancainderanya.*"

## **Ibadah Haji di Qadian, India.**

Pengikut ajaran Ahmadiyah/Qadiani menganggap bahawa bahawa daerah Qadian adalah merupakan satu dari tiga tempat yang suci disebutkan iaitu Mekah, Madinah dan Qadian. Harian Al-Fadhl bilangan 1848, jilid 10, Disember 1912 menyebut: "*Sesiapa yang menziarahi menara putih al-Masih yang dijanjikan (Mirza) akan diberikan berkat yang hanya ditentukan kepada menara hijau Nabi di Madinah al-Munawwarah. Alangkah menderitanya orang yang menghalang dirinya daripada menikmati Haji Akbar di Qadian.*"

Dalam Harian Al-Fadhl bilangan 23, jilid 20 ada disebutkan: "*Apa yang dimaksudkan dengan Masjid al-Haram ialah Masjid Qadian. Andainya daerah Qadian menyamai Tanah Suci, malah mungkin lebih utama daripadanya, maka menziarahinya adalah menyamai Fardhu Haji dan mungkin melebihi daripadanya.*" Dalam Bigam Sulhi jilid 21 bilangan 22, lidah rasmi cawangan Lahor menyebut: "*Menunaikan Haji di Mekah tanpa melakukan Haji di Qadian adalah Haji yang kering dan kosong kerana menunaikan Haji di Mekah hari ini tidak memenuhi risalah dan tidak menunaikan fardhunya.*"

## **Menafikan Jihad**

Mirza Ghulam Ahmad adalah seorang anti jihad dan menjunjung tinggi penjajah Inggeris. Di bahagian lampiran dalam bukunya Sahadatul Quran edisi keenam, atas tajuk "Untuk Perhatian Segera Pemerintah", beliau menulis: "*Saya telah menerangkan beberapa kali bahawa Islam yang saya anuti ini mengandungi dua bahagian: Pertama : Taat kepada Allah. Kedua : Taat kepada pemerintah yang telah memberikan keamanan dan perlindungan*

*kepada kita, dan mengawal kita daripada dizalimi. Itulah dia kerajaan Inggeris.*

" Beliau menambah:

*"Saya bukan sahaja menjadi orang-orang India Muslim taat kepada kerajaan Inggeris, malah saya telah menulis beberapa buah buku dalam bahasa Arab dan Parsi juga Urdu menerangkan kepada penduduk-penduduk Islam bagaimana untuk hidup aman, nikmat, bahagia dan bebas di bawah kepak sayap Kerajaan Inggeris." Dan Mirza menambah lagi: "Saya yakin dengan bertambahnya bilangan pengikut-pengikut saya, maka berkuranglah orang yang percaya kepada jihad, kerana kepercayaan kepada saya sebagai al-Masih dan al-Mahdi, dengan sendirinya menafikan adanya jihad itu."*

Mirza mengeluarkan hukum dan pendapat yang bertentangan sekali dengan kehendak ayat-ayat al-Quran. Ini dapat ditunjukkan melalui kata-katanya seperti jihad dengan pedang telah dilarang; semua peperangan untuk agama ini telah ditegah; sekarang jihad untuk tujuan agama telah diharamkan; pada pendapat saya, tidak ada doktrin yang memburukkan nama Islam lebih daripada doktrin jihad; dan saya menghabiskan sebahagian besar umur saya untuk mengiyakan kerajaan British dan menentang jihad.

### **Mengubah Ayat-ayat al-Quran.**

Satu lagi penyelewengan dan kesalahan besar yang dilakukan oleh ajaran Qadiani ialah mengubah ayat-ayat Quran atau disebut "Tahrif al-Quran". Tahrif bererti mengubah atau meminda bentuk dan kedudukan ayat-ayat al-Quran. Sebarang pengurangan yang sengaja, penghapusan dan penambahan terhadap ayat-ayat al-Quran adalah merupakan tahrif. Usaha yang sengaja dilakukan untuk mentafsir ayat-ayat al-Quran di luar dari erti yang sebenar dan jelas adalah juga dipanggil tahrif. Di antara contoh-contoh tahrif adalah seperti berikut:

<p>Ayat Asal di dalam al-Quran</p> <p>(1)</p> <p>وإن كنتم في ريب مما نزلنا على عبدنا فأتوا بسورة من مثله وادعوا شهداء كم من دون الله إن كنتم صادقين، فإن لم تفعلوا ولن تفعلوا.</p> <p>(al-Quran surah al-Baqarah ayat 23-24) Mirza telah membuat ayat-ayat yang bergaris di bawahnya dan menggantikannya.</p>	<p>Ayat-ayat yang telah diubah oleh Mirza</p> <p>(1)</p> <p>وإن كنتم في ريب مما نزلنا على عبدنا فأتوا بسورة من مثله وإن لم تفعلوا ولن تفعلوا.</p>
<p>(2)</p> <p>وما أرسلنا من قبلك من رسول ولا نبي إلا إذا تمنى ألقى الشيطان في أمنيته.</p> <p>(al-Quran, surah al-Hajr ayat 52) (disini perkataan telah dibuang oleh Mirza kerana dengan adanya perkataan itu akan bertentangan dengan dakwaannya sebagai nabi).</p>	<p>(2)</p> <p>وما أرسلنا من رسول ولا نبي إلا إن تمنى ألقى الشيطان في أمنيته.</p>
<p>(3)</p> <p>إنا أنزلناه في ليلة القدر</p> <p>(al-Quran surah al-Qadr ayat 1) Mirza menggantikan perkataan</p> <p>في ليلة القدر                      dengan</p> <p>قريبا من القاديان                dengan</p> <p>tujuan mengatakan bahawa nama atau perkataan Qadian itu disebut oleh Allah di dalam Al-Quran.</p>	<p>(3)</p> <p>إنا أنزلناه قريبا من القاديان</p> <p>(lihat : Braheen-e-Ahmadia, hal 313)</p>

### Jenis Ajaran Salah/Sesat.

Ajaran sesat dipercayai telah disebar-luaskan melalui beberapa atau cara atau kaedah tertentu. **Pertamanya**; berbentuk pengajaran, yang dicipta oleh guru atau pengasas dengan menggunakan nama atau amalan-amalan tertentu yang didakwa ianya adalah ajaran Islam. **Keduanya**; berbentuk

tarikah, yang direka oleh guru atau pengasas dengan menggunakan tarikah yang masyhur seperti Ahmadiyah, Naqsyabandiah dan lain-lain tetapi ternyata daripada amalan yang dibawa membawa unsur-unsur penyelewengan aqidah dan syariat Islam. Begitu juga dengan kepercayaan dan amalan yang berbentuk **mistik dan kultus**, seperti pemujaan kepada sesuatu tempat yang dianggap dan dipercayai mempunyai keramat dan sebagainya. Kepercayaan kepada kuasa kesaktian melalui amalan seni mempertahankan diri, berdukun, perbomohan, mendakwa mendapat ilmu daripada mimpi, orang halus, sahabat dan syeikh tertentu melalui isyarat, amalan menurun dan sebagainya.

Di antara **ciri-ciri utama** ajaran sesat yang dikenalpasti adalah seperti kepercayaan kepada rukun iman dan asas aqidah yang bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah, mempertikai serta memalsukan kebenaran Al-Quran dan As-Sunnah, mengaku sebagai nabi atau rasul yang menerima wahyu, mendakwa boleh memberi syafaat, mendakwa boleh menghapuskan dosa dan dijamin masuk syurga, mengamalkan nikah batin, menolak kewajipan puasa Ramadhan dan sembahyang jumaat serta perlu menggambarkan atau membayangkan wajah guru semasa berzikir dan lain-lain lagi yang kesemuanya didapati jelas bertentangan dengan aqidah dan syariat Islam yang sebenar.

Beberapa **punca utama** telah dapat dikesan mengapa ajaran sesat ini mudah berkembang. Faktor pengetahuan agama Islam yang cetek, yang mana mereka yang terpengaruh kepada ajaran sesat ini didapati tidak mempunyai asas agama yang kukuh dan longgarnya pegangan iman. Begitu juga mereka yang terlanjur dengan dosa atau maksiat yang telah dilakukan, mahu bertaubat dengan jalan yang ringkas, mudah dan cepat (*shortcut & recover*). Sesetengah daripada mereka malu untuk mendalami agama Islam dengan guru yang muktabar dan ditempat terbuka seperti di masjid dan surau atas dasar umur yang telah lanjut, pangkat dan kekayaan di samping terikut-ikut dengan ajakan atau pelawaan rakan.

Kebimbangan kita sebagai umat Islam di negeri ini tentang prospek perkembangan ajaran sesat yang semakin menular sebenarnya mempunyai

asas yang sangat kukuh. Ia akan membawa kepada suatu **implikasi** yang amat besar sekiranya usaha memerangi ajaran sesat ini dilakukan secara bermusim. Kesan daripada perkembangan ajaran sesat ini akan membawa kepada terhakisnya iman dari sanubari umat Islam melalui amalan yang bertentangan dengan aqidah dan syariat Islam. Ia juga boleh membawa kepada perpecahan dalam keluarga, di samping akan mengancam keselamatan negara jika perkembangan sesuatu ajaran sesat itu tidak dipantau secara kerap dan berkala.

### **Penutup.**

Oleh yang demikian, negeri Selangor khususnya yang telah diiktiraf sebagai sebuah negeri maju, telah merangka dan mengambil langkah awal bagi menangani permasalahan ini. Kerajaan negeri sentiasa memberikan penjelasan kepada masyarakat melalui pelbagai platform bagi memberi kesedaran dan melakukan perang psikologi kepada pengikut ajaran sesat. Fatwa-fatwa ajaran sesat yang telah diwartakan sentiasa disebar-luaskan kepada semua lapisan masyarakat melalui pelbagai cara dan strategi. Majlis Penjelasan Aqidah dan kursus-kursus berkaitan pemantapan aqidah sentiasa diadakan dari masa ke semasa. Aspek penguatkuasaan juga akan dilaksanakan bagi kumpulan ajaran sesat tegar yang masih lagi mengamalkan ajaran mereka setelah fatwa diwartakan dan diberi nasihat serta penjelasan. Kerajaan negeri juga telah mewujudkan Pusat Pemurnian Aqidah bagi membantu pengikut ajaran sesat ini kembali mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dan bersedia untuk kembali ke pangkuan masyarakat.

Sel. P. U. 15.

## ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM 1989

### FATWA TENTANG AJARAN AHMADIAH/QADIANI

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 31 (1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989. Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara, memperaku dan menerima pakai keputusan Jawatankuasa Undang-Undang 1975 seperti yang dinyatakan dalam Jadual.	En. 2/1989
--	------------

### ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1989

#### FATWA ON AJARAN AHMADIAH/QADIANI

<i>IN exercise of the powers conferred by section 31 (1) and section 32 of the Administration of Islamic Law Enactment 1989 the Mufti for the State of Selangor. after discussion with the Islamic Legal Consultative Committee, confirmed and adopts the result of 1975 Law Committee as specified in the Schedule.</i>	En. 2/1989
--	------------

#### JADUAL/SCHEDULE

1. Ajaran Qadiani adalah satu ajaran yang menyalahi dari ajaran Islam yang sebenarnya. Pengikut-pengikut ajaran Qadiani ini telah dihukumkan kafir oleh Ulama-ulamak Islam serata dunia.
2. Jabatan Agama Islam Selangor telah menghukumkan kafir kepada pengikut-pengikut Qadiani yang berpusat di Batu 20 Jeram, Kuala Selangor pada 15-12-1953 setelah mereka dibicarakan di Istana Kuala Lumpur di hadapan D. Y. M. M. Sultan Selangor serta beberapa orang Alim Ulama di Negeri Selangor ini. Setiap orang yang telah menjadi penganut ajaran Qadiani adalah telah murtad (keluar dari Agama Islam). Maka wajiblah dituntut mereka bertaubat kembali kepada Islam dengan mengikrar dua kalimah syahadat.
3. Antara ciri-ciri ajaran itu ialah:
  - (a) Mirza Ghulam Ahmad mendakwa:
    - (i) Sebagai Nabi yang menerima wahyu.

- (ii) Imam Mahadi.
  - (iii) Isa Al Masih.
  - (iv) Mempunyai mukjizat.
  - (v) Para Nabi menyaksikan dirinya.
  - (vi) Malaikat sebagai paneaindera tuhan.
  - (vii) Nabi Isa A. S. telah mati dan kuburnya di Srinagar.
- (b) Ibadah haji di Qadian, India.
  - (e) Menafikan jihad.
  - (d) Mengubah ayat-ayat Quran.
4. Orang-orang Islam adalah dilarang menjual, mengedar, membeli, memiliki atau memberi ceramah tentang isi kandungan buku-buku berikut:
- (a) "Invitation To Ahmadiyah" yang dikarang oleh Hazrat Hj. Mirza Bashir-ud-din Ahmad (Khalifatul Masih II)
  - (b) Penawar Racun Fitnah Terhadap Ahmadiyyah yang ditulis oleh Pengurus Besar Jema'at Ahmadiyah.
  - (e) Alam Sebagai Saksi yang dikarang oleh Mohamad Zain bin Hassan.
  - (d) "The Holy Quran With English Translation And Commentary" (Vol II, Part I) yang dikarang oleh M. Mas'ud Ahmad.

Dibuat pada 22hb Jun 1998.

*Made the 22nd June 1998.*

[(JAL. Sel. 8069/2; PU. Sel. AGM/0007. Jld. 2.)]

HAJI MOHD. TAMYES BIN ABD. WAHID.  
Mufti Selangor